



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 13 MAC 2023**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	EKSPEDISI SAINTIFIK MOSSY FOREST, SETEMPAT, HM -20	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
2.	FAMA SASAR RM1 JUTA JUALAN FLORA FEST 2023, BISNES, SH-29	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	CITY HALL TO IDENTIFY IDLE LAND FOR URBAN FARMING PROJECTS, NEWS, THE SUN - 3	
4.	DULU JURUTERA REKA BENTUK, KINI USAHAWAN TEPUNG KACANG HIJAU, EKONOMI, UM-37	
5.	LEPAS IKAN KOI TARIK PENGUNJUNG, KOMUNITI KITA, UM -33	LAIN-LAIN
6.	PERLIS SUMBANG 11 PERATUS HASIL PADI NEGARA, DALAM NEGERI, UM-30	
7.	FRESH PRODUCE TO COST MORE IN JOHOR DUE TO FLOODS, NATION , THE STAR -4	
8.	FARMBYTE HUB TO TRANSFORM JOHOR'S AGROFOOD SECTOR, SUNBIZ, THE SUN-12	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	EKSPEDISI SAINTIFIK MOSSY FOREST 61 penyelidik kumpul info		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	20	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	191 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,495
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,485



PENYELIDIK mengambil gambar tumbuhan yang terdapat di Mossy Forest. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

## EKSPEDISI SAINTIFIK MOSSY FOREST

# 61 penyelidik kumpul info

**Cameron Highlands:** Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Mossy Forest dalam Hutan Simpan Batu Gangan Tambahan, di sini, membabitkan 61 penyelidik dilakukan bagi mengumpul maklumat kepelbagaian biologi daripada kawasan semulajadi di negara ini.

Mereka mewakili lapan universiti tempatan termasuk Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi).

Ketua Ekspedisi, Prof Emeritus Datuk Dr Abdul Latiff Mohamad berkata, ekspedisi dalam Mossy Forest atau Hutan Berlumut dilakukan dengan tumpuan kajian kepada fizikal ekosistem hutan, ekologi, flora dan fauna, rekreasi, geologi, arkeologi serta sosio ekonomi.

Menurutnya, sambutan penyelidik pada ekspedisi kali ini begitu menggalakan apabila mereka teruja

mahu membuat kajian apa yang terdapat di Mossy Forest serta kawasan Hutan Simpan Batu Gangan Tambahan yang terkenal dengan lumut serta pelbagai tumbuhan tanah tinggi lain.

“Ekspedisi selama empat hari bermula semalam (kelmarin) diharap dapat merungkai dan menemui apa terdapat di kawasan tanah tinggi itu yang kini menjadi produk pelancongan terkenal di daerah ini.

“Saya berbangga melihat kesungguhan penyelidik dalam menjayakan ekspedisi saintifik kali ini yang dianggap penting dalam usaha meletakkan Mossy Forest di kedudukan terbaik sebagai produk pelancongan bertaraf antarabangsa,” katanya.

Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Mossy Forest dianjurkan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/3/2023	SINAR HARIAN	BISNES	29

# FAMA sasar RM1 juta jualan Flora Fest 2023

Ini berdasarkan jumlah tinggi pengunjung yang hadir dan disertai 190 usahawan tani

**KOTA BHARU**

**L**embaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan nilai jualan sebanyak RM1 juta dengan anggaran 50,000 pengunjung hadir ke Flora Fest 2023 Kelantan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di sini, yang berlangsung lima hari hingga 12 Mac, 2023.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata, penganjuran Flora Fest yang merupa-

kan rentetan Pesta Orkid Flora dan Herba sebanyak tujuh siri itu, membolehkan FAMA memperluaskan lagi pusat jualan Florikultur yang kini boleh memuatkan sebanyak 87 lot jualan dengan penglibatan 70 usahawan.

“Pusat ini telah dinaik taraf dengan kos RM634,848 dan akan dijenamakan sebagai Laman Flora RTC FAMA Kelantan.

“Seramai 190 usahawan tani diberikan ruang untuk memasarkan hasil pertanian mereka pada pesta kali ini dengan 200 lot disediakan di Laman Flora, Pasarina dan Medan Selera,” katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Mengulas lanjut, Zainal Abidin berkata, berikutan sambutan baik untuk program itu, beliau berharap Laman



**ZAINAL**

Flora berkenaan dapat menjadi tarikan terbaharu di RTC FAMA Kelantan.

“FAMA berperanan memperluaskan saiz pasaran pertanian untuk meningkatkan pendapatan pengeluar selain memastikan produk pertanian khususnya Industri Florikultur dan Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT) tersedia dan boleh

diperoleh pada harga yang berpatutan kepada pengguna,” katanya.

Flora Fest 2023 di Kelantan menawarkan pelbagai aktiviti menarik kepada pengunjung seperti jualan trak makanan, jualan Menu Rahmah di Medan Selera, jualan pakaian dan aksesori, selain beberapa pertandingan antaranya mewarna, memasak dan gubahan bunga. - *Bernama*

## City Hall to identify idle land for urban farming projects

**KUALA LUMPUR:** Kuala Lumpur City Hall will identify abandoned and reserve land belonging to the federal government that can be turned into community gardens to expand its urban farming initiative.

The move is an effort to create job opportunities and increase income for the B40 group.

Kuala Lumpur mayor Datuk Seri Mahadi

Che Ngah said City Hall will work with several parties, including the Economy Ministry and the Federal Territories Land and Mines Office to identify locations, as well as cooperating with parties with related expertise.

He said the efforts and commitment shown by the community in implementing the existing 40 farming projects have succeeded in cultivating various types of crops.

"It would also help farmers earn a regular income if the crops could be marketed to parties such as Fama (Federal Agricultural Marketing Authority), restaurants and markets," he said at the launch of the Kuala Lumpur Community Farms Awards 2023 and the guidebook of Local Agenda 21 on community gardens in conjunction with the Kuala Lumpur Park Festival on Saturday. - Bernama

Headline	Dulu jurutera reka bentuk, kini usahawan tepung kacang hijau		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	107,609
Page No	37	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	875 cm <sup>2</sup>
Journalist	SYED AZLAN SAY ID HIZAR	AdValue	RM 35,780
Frequency	Daily	PR Value	RM 107,340



ANTARA tepung dikeluarkan oleh syarikat milik Rodzman Rozimi Radzi yang mendapat permintaan di pasaran.

RODZMAN Rozimi Radzi menimbang tepung-tepung yang dihasilkan di kilang syarikatnya di Perlis.

## Dulu jurutera reka bentuk, kini usahawan tepung kacang hijau

### INSPIRASI NIAGA

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR  
[skakomubusan@mediasatua.com.my](mailto:skakomubusan@mediasatua.com.my)

**MESKIPUN** mempunyai latar belakang pendidikan kejuruteraan dan pernah menjawat jawatan jurutera reka bentuk teknologi, pemuda ini nekad menceburi bidang perniagaan berasaskan industri asas tani.

Rodzman Rozimi Radzi, 35, merupakan

graduan kejuruteraan mekanikal Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) di Melaka dalam pengkhususan Rekabentuk Produk dan Inovasi pada 2011.

Anak kedua daripada lima beradik itu kemudiannya menjawat jawatan sebagai jurutera di sebuah syarikat perkhidmatan kejuruteraan digital di Cyberjaya, Selangor.

Anak kelahiran Kuala Perlis itu juga pernah mengurus sebuah koperasi yang dibuka bagi membantu memasarkan produk keluaran usahawan desa di Pulau Pinang.

Sejak itu, timbul minat untuk menceburi diri dalam perniagaan secara langsung selepas

melihat kesungguhan ahli-ahli koperasi memasarkan produk mereka.

Menurut Rodzman Rozimi, dia menyertai program bimbingan usahawan menerusi Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE 3.0) di bawah kelolaan SMECorp di Sintok, Kedah dan mendapat geran sebanyak RM15,000 untuk memulakan perniagaan pada 2016.

Katanya, dia mendaftar syarikat milikan tunggalnya, Northern Prime Resources pada 2018 dan menyertai Latihan Pembentukan Usahawan (LPU) anjuran Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk membangunkan produk rempah ratus di bawah jenama Karipooley.

"Tujuan utama saya memilih produk berasaskan rempah-ratus untuk dipasarkan adalah kerana ingin menyediakan makanan yang bersih dan selamat kepada orang ramai.

"Selain minat mendalam dalam bidang perniagaan, ia tuntutan fardu kifayah untuk membantu menyediakan makanan yang lebih baik khusus kepada umat

Islam," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui baru-baru ini.

Tambahnya, menerusi jenama Karipooley, dia menghasilkan campuran pelbagai produk berasaskan rempah ratus seperti serbuk kari dan kurma.

Menurut Rodzman Rozimi, buat permulaan, dia hanya memasarkan produk keluaran syarikatnya kepada syarikat pengusaha catering selain menghantar ke kedai-kedai borong seluruh negeri Perlis.

Mengimbuu sewaktu awal penubuhan syarikatnya, pemuda tersebut berkata, dia melakukan sendiri semua tugas daripada operasi pengeluaran, pemasaran, pentadbiran dan sebagainya.

"Alhamdulillah, kini perniagaan bertambah baik dan saya mempunyai enam pekerja yang membantu menguruskan operasi yang bertapak dalam kawasan Kompleks Jabatan Pertanian Perlis di Bukit Temiang, Berseri.

"Buat masa ini, tepung kacang hijau adalah produk terbaharu dihasilkan

syarikat dan mula mendapat tempat terutama melalui jualan secara *online* serta tempahan dari syarikat pengeluar kuih tradisional," jelasnya.

Katanya, proses penghasilan tepung kacang hijau secara tradisional agak rumit, maka syarikat mengambil inisiatif memproses dan membekalkan tepung tersebut bagi memudahkan pengguna dengan kualiti lebih baik.

Menurut Ketua Dewan Muda, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia cawangan Perlis itu, tepung selalunya digunakan untuk menghasilkan kuih batang buruk, koleh kacang, kuih bulan, tepung gomak dan lain-lain.

"Buat masa ini syarikat mampu memasarkan sehingga 1,000 kilogram (kg) tepung kacang hijau sebulan yang dibungkus saiz 1kg satu bungkusan.

"Permintaan biasanya meningkat menjelang Ramadan dan pada bulan puasa tahun ini saya menasaskan pengeluaran sehingga 5 tan," jelasnya.

Rodzman Rozimi berterima kasih kepada pelbagai agensi seperti Mardi, MARA, Jabatan Pertanian, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan lain-lain yang membantu serta membimbing perniagaannya.

Tambah Naib Pengerusi Peratuan Agropreneur Muda Perlis itu, dia berharap lebih ramai anak muda menceburi industri asas tani kerana bidang itu berpotensi tinggi dan kerajaan menyediakan banyak insentif serta bimbingan.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/3/2023	UTUSAN MALAYSIA	KOMUNITI KITA	33



## Lepas ikan koi tarik pengunjung

SEBAGAI sebahagian usaha menjadikan People's Aquarium di Bandar Perda, Bukit Mertajam, Pulau Pinang kawasan tarikan pengunjung, sebanyak 100 ekor ikan koi atau ikan kap dilepaskan ke dalam akuarium awam itu, baru-baru ini.

Pelepasan itu disempurnakan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Datuk Azhar Arshad serta pegawai kanan MBSP yang lain.

Selain pelepasan ikan hiasan, medan *food truck* dibuka semula

di kawasan itu yang terhenti sebelum ini akibat pandemik Covid-19.

Jualan makanan melalui *food truck* itu hasil kerjasama antara MBSP dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) setiap Jumaat, Sabtu dan Ahad sejak 3 Mac lalu.

■ AZHAR Arshad (tengah) melepaskan ikan koi ke dalam People's Aquarium di Bandar Perda, Bukit Mertajam, Pulau Pinang, baru-baru ini.

13/3/2023

UTUSAN

DALAM

80

MALAYSIA

NEGERI

# Perlis sumbang 11 peratus hasil padi negara

**ARAU:** Hasil pengeluaran padi di negeri ini yang direkodkan sebanyak 154,975,325 tan metrik semusim turut membantu menyumbang kira-kira 11 peratus kepada pengeluaran beras negara.

Jumlah hasil tersebut merangkumi kawasan tanaman seluas 27,883,29 hektar melibatkan keseluruhan 17,930 pesawah di Perlis. Hasil tersebut direkodkan pada tahun 2021.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad berkata, setiap hari sebanyak 5.1 tan metrik hasil pengeluaran padi di negeri ini direkodkan sekali gus mampu menampung keperluan rakyat.

Katanya, hasil kasar seorang pesawah pula dianggarkan 5.5 tan metrik bagi keluasan satu hektar dengan anggaran pendapatan pula lebih RM8,000 iaitu kira-kira RMI,500 bagi hasil satu tan metrik.

"Pengeluaran hasil padi di Perlis tidak menunjukkan penurunan ketara berbanding musim-musim sebelumnya.

"Kita tidak berdepan masalah

**SEORANG** pengendali jentera melakukan kerja-kerja mengumpul padi yang dihantar di pusat belian padi Pertubuhan Peladang Kawasan Arau, Kampung Banat, Arau, Perlis semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN



khususnya melibatkan hasil pengeluaran padi setiap musim yang turut menyumbang kepada hasil beras atau padi negara," katanya.

Pada 5 Mac lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan, hasil padi atau beras negara boleh merosot sehingga 70 peratus dalam tempoh

tujuh atau 10 tahun akan datang disebabkan hasil para pesawah yang semakin berkurangan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Pesawah dikatakan hanya mampu menghasilkan sekitar dua tan metrik padi bagi keluasan satu hektar berbanding tempoh lima ke tujuh tahun lalu yang mence-

cah sehingga tujuh tan metrik bagi keluasan sama.

Menurut Razali, pesawah di Perlis juga tidak berdepan masalah pembekalan benih padi sah memandangkan sumbernya juga boleh didapati melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan pembekal-pembekal luar.

# Fresh produce to cost more in Johor due to floods

By YEE XIANG YUN  
xiangyun@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** Consumers can expect to fork out more for fresh produce in the upcoming festive season as many farms in Johor have been destroyed by the floods.

However, Johor agriculture, agro-based industry and rural committee chairman Datuk Zahari Sarip urged the people not to panic as the state government was taking measures to soften the blow.

He said the unexpected floods, which started on March 1, left the agricultural industry with huge losses of RM35.5mil to date.

"This is just an early assessment as floods are still occurring in districts like Batu Pahat and Muar, so the figure is expected to go even higher.

"I urge the affected farmers to report their losses to their district agricultural authorities for us to



**Food matters:** Zahari (second from left) officiating the launch of the FarmByte Food Hub initiative in Ulu Tiram, Johor Baru.

look at ways to assist them.

"Many livestock, vegetables and fruit farmers had started making preparations for the Ramadan and Hari Raya Aidilfitri celebrations months in advance.

"They did not expect heavy rain

At the height of the floods about 50,000 people were relocated to temporary flood relief centres statewide. He added that the natural disaster had also threatened the state's food security and the shortage of supply would possibly lead to price increase in the coming weeks.

As such, the state government together with the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) has identified 35 farmers' market locations to make fresh produce available for consumers at reasonable prices.

"The Johor People's Agro Bazaar programme will be run by Fama throughout the fasting month and consumers can expect to enjoy some savings on fresh produce compared to the market price," he said.

Zahari also said initiatives such as FarmByte, run by a subsidiary company under Kulim (Malaysia) Bhd, could help the state government in stabilising the agrofood sector.

The initiative, established to consolidate and build the resilience of the sector, could also increase agricultural output and uplift the livelihoods of farmers and the wider community using technology-driven methods.

"It is in line with the state's vision and strategies to strengthen Johor's food security. As a show of support, the state government is willing to provide FarmByte with a section of the 1.215ha land that has been designated for the Segamat Agricultural Valley," he said.

Zahari said the state government was currently in talks with the Segamat land office to acquire and develop the plot of land to make the Segamat Agricultural Valley a reality.



For more stories:  
See page 9



# FarmByte hub to transform Johor's agrofood sector

► Tech-driven ecosystem to boost agricultural output, uplift famers' livelihoods is part of JCorp's food security aim

**JOHOR BAHRU:** A technology-driven agrofood ecosystem, FarmByte Food Hub, has been established to consolidate and build up the resilience of the agrofood sector, increase agricultural output, and uplift the livelihoods of farmers and the wider community.

Developed by FarmByte Sdn Bhd, a subsidiary of Kulim (Malaysia) Bhd, FarmByte Food Hub aims to transform Johor's agrofood sector through its digital-first approach as part of Johor Corporation's (JCorp) vision to strengthen food security at state and national levels. Kulim (Malaysia) is a subsidiary of JCorp.

Located in Ulu Tiram, FarmByte Food Hub was officially launched yesterday by

Johor Agriculture, Agro-based Industry and Rural Development Committee chairman Datuk Zahari Sarip, who represented Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi.

JCorp president and chief executive Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim, who is also the chairman of FarmByte, said the newly launched FarmByte Food Hub will bolster Johor's food supply chains and create a sustainable agrofood ecosystem that will contribute to the national and state food security agenda.

"FarmByte Food Hub will allow for the sustainable production of high-quality and high-value agrofood products. Through digitalisation and innovation, it will also help uplift the livelihoods and standards of living

of our smallholder farmers, while encouraging the participation of the younger generation in the agrofood sector.

"It is a key part of the state's strategy to develop a sustainable agrofood industry that can compete at the international level in terms of production and product efficiency and quality," said Syed Mohamed.

At the heart of FarmByte Food Hub is a fully networked ecosystem of farmers, processors, distributors, retailers, and wholesalers - all connected via a hybrid setting of physical and digital hubs. This seeks to integrate all the activities throughout the value chain - from production to distribution - while creating efficiencies, transparency, and trust.

To meet the expected increase in production, FarmByte will build a collection processing packaging centre and two collection distribution centres.

Syed Mohamed said FarmByte will use innovative technology as an enabler to equip farmers with simple digital tools, market intelligence, and real-time production schedules to allow them to navigate the currently fragmented agrofood sector seamlessly and accelerate their growth.

"Our mobile app, for instance, provides farmers with access to personalised advice and analytics and helps to expand their knowledge of expert farming practices."

One of the farmers in the trial, Yusaini Ali, who owns 6.3 hectares in Felda Ulu Tebrau, said many smallholders struggle to navigate the complex agrofood business.

"Until now, many smallholder farmers like me have relied on experience and the limited market knowledge we have as to what we produce for market and when it will be ready. Being part of the FarmByte Food Hub will give us certainty about what to plant and when demand will be highest so we can get the best price.

"The tools and analytics provided will enable us to maximise our production and make our businesses more efficient. It will enhance our farming skills and knowledge and make us even better farmers," Yusaini said.



At the launch of FarmByte Food Hub are (from left) Kulim (Malaysia) managing director Mohd Faris Adli Shukery, Syed Mohamed; Zahari, Johor Islamic Corporation general manager Muzaldin Mohamed and FarmByte CEO Aiman Syed Jaafar.